

TARIKH	7 OGOS 2025 (KHAMIS)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	INGATAN BUAT DUNIA		
M/S	26 (GLOBAL)	KATA KUNCI	ATOMIC BOMB, HIROSHIMA
BIDANG	NUCLEAR		



Global

Tinggalan Perang Dunia Kedua

SEEKOR burung gagak terbang di atas kubah, sehari menjelang ulang tahun ke-80 pengeboman atom Perang Dunia Kedua di Hiroshima, barat Jepun. - Reuters

MEMPERINGATI 80 TAHUN TRAGEDI BOM ATOM DI HIROSHIMA

INGATAN BUAT DUNIA

Tokyo

Jepun semalam memperingati 80 tahun tragedi bom atom di bandar Hiroshima, dengan satu upacara yang mengingatkan dunia mengenai dahsyatnya serangan itu.

Ia ketika ketegangan nuklear antara Amerika Syarikat (AS) dan Rusia terus membimbangkan.

Upacara jam 8.15 pagi waktu tempatan (2315 GMT), iaitu detik pesawat pengebom AS, Enola Gay menjatuhkan bom atom *Little Boy* ke atas bandar itu pada 6 Ogos 1945.

Tragedi itu menyebabkan sekitar 140,000 terkorban akibat letupan, kebakaran dan radiasi.

Tiga hari kemudian, satu lagi bom atom digugurkan di Nagasaki yang meragut 74,000 nyawa.

Jepun menyerah kalah pada 15 Ogos tahun sama, sekali gus menamatkan Perang Dunia Kedua.

Kini, Hiroshima menjadi

KUBAH Bom Atom dilihat di Bandar Hiroshima semalam sempena ulang tahun ke-80 serangan bom atom pertama di dunia. - Jiji Press/AFP/Jepun Out

bandar moden dengan 1.2 juta penduduk, namun runtuh kubah bangunan lama masih kekal di tengah bandar sebagai simbol tragedi itu.

Upacara semalam disertai wakil 120 negara dan wilayah termasuk buat pertama kali membabitkan perwakilan Taiwan dan Palestin. AS diwakili dutanya ke Jepun, manakala Rusia

dan China tidak hadir.

Organisasi akar umbi Nihon Hidankyo, yang menangi Hadiah Keamanan Nobel tahun lalu, mewakili kumpulan mangsa terselamat dikenali sebagai hibakusha.

Menurut Kementerian Kesihatan Jepun, setakat Mac lalu, terdapat 99,130 hibakusha dengan purata usia 86 tahun.

"Saya mahu perwakilan asing melawat muzium keamanan dan faham apa yang berlaku," kata pengurus bersama Nihon Hidankyo, Toshiyuki Mima-ki.

Datuk Bandar Hiroshima, Kazumi Matsui dijangka menyeru dunia supaya tidak berputus asa dalam usaha mencapai dunia bebas nuklear.

Tokyo: Berikut beberapa fakta mengenai pengeboman bandar Hiroshima di Jepun dan serangan kedua di Nagasaki tiga hari kemudian.

Ia satu-satunya senjata nuklear pernah digunakan dalam perang.

Jepun menyerah kalah pada 15 Ogos 1945, sekali gus menamatkan Perang Dunia Kedua.

HIROSHIMA

Pada jam 8.15 pagi, 6 Ogos 1945, sebuah pesawat pengebom B-29 Superfortress Amerika yang dinamakan Enola Gay menjatuhkan bom uranium-235 seberat 4,535 kilogram (kg), yang membunuh kira-kira 78,000 orang serta-merta.

Menjelang akhir tahun itu, jumlah kematian meningkat kepada sekitar 140,000 orang.

Bom yang diberi nama *Little Boy* meletup 580 meter (m) di atas pusat bandar, mengakibatkan gelombang haba mencapai 4,000 darjah Celsius (7,200 Fahrenheit) dalam radius 4.5 kilometer.

Lebih separuh bangunan di bandar itu musnah sama sekali.

NAGASAKI

Pada jam 11.02 pagi, 9 Ogos 1945, Amerika Syarikat menjatuhkan bom plutonium-239 seberat 4,535 kg, yang diberi nama *Fat Man*.

Ia meletup kira-kira 500 meter di atas tanah, membunuh sekitar 27,000 orang serta-merta dari pada anggaran jumlah penduduk bandar itu seramai 200,000 orang.

Menjelang akhir 1945, jumlah kematian akibat pengeboman radiasi akut meningkat sekitar 70,000.

JUMLAH KEMATIAN

Jepun setakat ini mengiktiraf jumlah keseluruhan kematian akibat pengeboman, termasuk akibat penyakit radiasi dan kecederaan adalah 344,306 orang di Hiroshima (setakat 6 Ogos 2024) dan 198,785 orang di Nagasaki (setakat 9 Ogos 2024).

- Reuters

DISEDIAKAN
OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM